



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA
SELASA , 20 MARCH 2018**

1. NELAYAN SENTIASA DAPAT PERHATIAN, RENCANA – UM, 10
2. NASIB PETANI TURUT TERBELA, GENDANG PRU14 – SH, 8
3. AGROBANK LANCAR MESIN ATM BANTU KOMUNITI LUAR BANDAR – SH ONLINE
4. SEMBILAN ASPIRASI BANGUNKAN DUN PASIR PANJANG – SH ONLINE

UKKMOA

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

NELAYAN SENTIASA DAPAT PERHATIAN



**IRMOHIZAM
IBRAHIM**

DALAM usaha untuk memperbaiki kedudukan sosioekonomi rakyat oleh pihak kerajaan, tumpuan juga diberikan kepada usaha untuk memperkasakan kebajikan sosial dan ekonomi masyarakat nelayan di samping memajukan sektor perusahaan perikanan negara.

Oleh itu, segala usaha menerusi agensi yang diamanahkan terutamanya Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di dalam melestarikan hasrat dan matlamat kerajaan bagi memastikan setiap denyut nadi nelayan didengar dan keringat mereka dihargai.

Menelusuri tahun-tahun sebelumnya, pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan sama ada dalam bentuk pembangunan sosioekonomi dan modal insan bagi meringankan beban yang ditanggung nelayan.

Cabaran 2017 masih terasa bahangnya dan kini, kita sudah memasuki sebahagian 2018, yang sudah pastinya menjanjikan cabaran yang berbeza.

Justeru, jika diimbaz kembali pada tahun lalu pelbagai bantuan dan insentif sama ada dalam bentuk ekonomi dan sosial telah disalurkan menerusi LKIM bagi meringankan beban nelayan. Antara bantuan dan insentif yang diberikan adalah seperti:

- Program pinjaman mudah kepada nelayan bagi pembelian bot dan peralatan baharu atau meningkatkan keupayaan bot sedia ada;

- Bantuan infrastruktur dan latihan modal insan melalui program azam tani dan touch point;

- Pembinaan dan menaiktaraf sebanyak 342 jeti dan 45 kompleks pendaratan ikan di seluruh negara;

- Pemberian elaun sara hidup kepada nelayan pada kadar RM250 hingga RM300 sebulan;

- Penyediaan insentif hasil tangkapan ikan pada kadar 10 sen hingga 20 sen sekilogram kepada pemilik vesel yang mendaratkan



PELBAIGI bantuan telah disalurkan kerajaan menerusi LKIM bagi meringankan beban para nelayan. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

hasil tangkapan di pusat-pusat pendaratan yang ditetapkan;

- Pelaksanaan skim subsidi diesel dan petrol nelayan bagi memampung sebahagian kos operasi penangkapan ikan susulan kenaikan harga bahan api;

- Pemberian bantuan dan sumbangan segera kepada nelayan yang terlibat dengan kemalangan atau musibah melalui Tabung Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan;

- Program insurans nelayan bagi membela nasib keluarga nelayan;

- Pelaksanaan Projek Khas Perumahan Nelayan bagi membantu nelayan memiliki kediaman yang selesa dan selamat.

Hakikatnya, telah banyak inisiatif yang dilakukan pihak kerajaan dengan mengambil kira faktor-faktor umum keperluan masyarakat nelayan agar ia mampu memberikan bantuan yang optimum kepada masyarakat.

Sepertimana yang dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di dalam Bajet 2018 bahawa 2018 adalah Tahun Memperkasakan Wanita.

Oleh itu, bagi merealisasikan ini, saya melihat adalah penting untuk menyahut cabaran dengan merangka inisiatif strategik bertujuan bagi memperkasakan wanita terutamanya di dalam sektor perikanan dan perusahaan

berasaskan sumber laut agar mereka mampu berdaya saing di dalam suasana industri yang kompetitif sehingga ke peringkat global.

Pada hemat saya, perkara ini tidak mustahil untuk dicapai memandangkan berdasarkan statistik yang diperoleh menunjukkan bahawa wanita membentuk 48.3% daripada populasi penduduk Malaysia yang berjumlah lebih 32 juta manakala guna tenaga wanita yang berumur 15 hingga 64 tahun pada 2017 adalah sebanyak 10.29 juta dan daripada jumlah tersebut, wanita yang terlibat dengan tenaga buruh adalah seramai 5.57 juta.

Oleh itu, penglibatan dan peranan wanita dalam arus pembangunan negara perlu diberi penekanan utama.

Pada hemat saya, peranan Persatuan Kumpulan Wanita Nelayan (KUNITA) sebagai perantara agensi dengan perkumpulan nelayan wanita harus diperkasakan sebagai medium untuk meningkatkan penglibatan wanita di dalam sektor perikanan dan perusahaan sumber laut negara di samping melahirkan nelayan wanita yang berkemampuan untuk merealisasikan potensi diri mereka ke peringkat yang optimum setanding dengan lelaki.

Selain itu, dalam kerangka dunia membicarakan soal Revo-

lusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) yang menyaksikan bagaimana ekonomi dunia beralih daripada ekonomi konvensional berasaskan sumber kepada ekonomi digital berasaskan teknologi maklumat. Realiti ini menyebabkan banyak industri mahupun kecil atau besar terpaksa gulung tikar akibat kelewatan memberikan respon kepada perubahan dan tidak menyediakan pelan serta perancangan strategik digital mereka. *In the new world economy, it is not the big fish which eats the small fish, it's the fast fish which eats the slow fish.*

Maka, saya melihat bahawa LKIM sebagai pemain utama di dalam meneruskan kelangsungan industri perikanan negara, seharusnya tidak memandang ringan terhadap impak ledakan Revolusi Perindustrian 4.0 ini.

LKIM harus bergerak seiring dengan perubahan revolusi industri ini dengan memperkasakan agensi dan nelayan dengan teknologi digital yang serba canggih dan maju bagi mengelakkan nelayan ini tidak mampu untuk meneruskan survival di dalam keadaan ekonomi yang sangat kompetitif.

Rancangan strategik jangka masa pendek dan jangka masa panjang serta rancangan luar jangka perlu diwujudkan demi memastikan agenda ekonomi nelayan dapat dilaksanakan serta tidak tenggelam oleh tsunami Revolusi Industri 4.0.

Sungguhpun pelbagai liku cabaran telah dihadapi oleh kerajaan. Saya amat berharap agar usaha untuk mensejahterakan kehidupan rakyat tidak terhenti di sini sahaja sungguhpun kerap kali usaha bagi meningkatkan sosioekonomi rakyat dipandang sepi dan negatif oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab.

Seharusnya setiap cabaran, dugaan dan ujian yang telah kita hadapi pada tahun lalu dapat dijadikan sebagai pengalaman dan kekuatan untuk kita mengorak langkah ke arah lebih jauh demi memastikan kepentingan rakyat sentiasa didahulukan dan diutamakan.

DATUK SERI DR. IRMOHIZAM IBRAHIM ialah Ahli Majlis Tertinggi UMNO merangkap Ahli Parlimen Kuala Selangor.

Nasib petani turut terbelah

SEBANYAK 90 peratus kawasan Jerlut berada dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) yang mana petani di kawasan ini menerima pelbagai bantuan daripada kerajaan.

Othman yang juga Pengerusi Mada berkata, beliau berasa bersyukur atas keprihatinan kerajaan dengan nasib petani yang merupakan antara penyumbang pertumbuhan ekonomi negara.

"Pelbagai manfaat diterima petani melalui bantuan daripada kerajaan contohnya pelarasan harga padi dari RM1,050 kepada RM1,200 satu tan, selain peningkatan subsidi harga padi daripada RM248.10 kepada RM300.

"Kemudian kita turut mene-

rima projek pengairan dan saliran atau bahasa kampung kita panggil 'parit gila' bermula di kawasan Pulau Pak Ubin di Kampung Matang Kerengga dan Kampung Matang Bongor," katanya.

Menurut Othman, kerajaan juga memberi bantuan RM200 sebulan selama tiga bulan di antara musim menabur dan musim menuai.

"Saya yakin segala bantuan ini dapat meringankan beban petani dan ini merupakan usaha kerajaan untuk menyampaikan bantuan tepat pada sasaran, dan dapat mengelakkan ketirisan dalam bantuan," katanya.

Selain pertanian, Jerlut juga terkenal dengan sektor perikanan yang dipacu oleh nelayan-nelayan di Kuala Jerlut dan Kuala Sanglang.

Menurut Othman, beliau bersyukur apabila menerima peruntukan berjumlah RM6 juta untuk membina tebing hakisan pantai.

"Ini adalah usaha untuk membekalkan kesesuaian kepada penduduk di persisiran pantai yang sering dinaiki lumpur yang dibawa oleh air laut setiap kali fenomena air pasang besar.

"Projek ini melibatkan kawasan sejauh lapan kilometer laluan dari Kuala Sanglang ke Kuala Jerlut dan kerja-kerja pengukuran dan kajian telah dijalankan sebelum kita memulakan projek tersebut," katanya.

Selain itu, Kementerian Sumber Asli turut memperkenalkan menyalurkan peruntukan RM600,000 bagi projek pemuliharaan muara sungai.



Othman melihat keadaan muara sungai ketika perasmian Kerja Pengorekan Muara Sungai Sanglang dan Sungai Jerlut di Jeti LKIM.

Fokus isu pembangunan rakyat

Parlimen Jerlut selesai isu baiki rumah, bekalan air dan elektrik

ROSHILA MURNI ROSLI

JERLUT

Parlimen Jerlut berada dalam daerah Kubang Pasu yang terletak di bahagian utara negeri Kedah.

Keunikan daerah ini adalah kerana ia merupakan kawasan sempadan antarabangsa (Malaysia-Thailand) dan sempadan negeri Perlis.

Memegang status kawasan luar bandar, ekonomi penduduk Jerlut lebih tertumpu kepada sektor perikanan dan juga pertanian.

Parlimen Jerlut yang diterajui oleh Datuk Othman Aziz dari BN merangkap Timbalan Menteri Kewangan II, mempunyai dua Dun iaitu Dun Kota Siputeh dan Dun Ayer Hitam.

Kerusi parlimen ini juga diramalkan menjadi idaman parti pembangkang pada PRU14 nanti.

Utamakan pembangunan masyarakat

Sejak 2013, setelah berakhirnya PRU13, Othman telah meletakkan

keutamaan dalam pembangunan masyarakat di Jerlut.

Othman berkata, fokus pertamanya adalah menyelesaikan hal berkaitan pembaikan rumah, bekalan air dan elektrik.

"Alhamdulillah, setakat ini kita berjaya melaksanakan pembaikan rumah tidak kurang 3,000 buah.

"Dari segi bekalan air dan elektrik, 500 rumah disalurkan bekalan baru secara percuma," katanya.

Menurutnya, lebih mengembirakan terdapat juga pemohon yang berjaya mendapat rumah baharu dan baik pulih rumah di bawah peruntukan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

"Dalam pada itu, kawasan Jerlut turut menerima pembangunan Rumah Mesra Rakyat untuk memastikan rakyat Jerlut mendapat kehidupan yang lebih selesa.

"Pada Ogos tahun lalu, Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah telah merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Ayer Hitam, di sini.

"PPR ini mempunyai 630 unit rumah teres setingkat dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2019.

"Selain itu, kita juga dikehendaki akan mendapat tambahan 500 unit



Masjid Ar Rahman, Korpan yang berada dalam Parlimen Jerlut merupakan salah sebuah masjid yang aktif menjalankan aktiviti bersama anak karlah.

PPR di Kota Siputeh," katanya.

Menurutnya, berkaitan infrastruktur, sehingga kini lebih 1,000 tiang lampu jalan telah didirikan bagi menerangi kampung-kampung di dalam Parlimen Jerlut.

"Ini termasuk peruntukan daripada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) untuk membaiki jalan-jalan ban," katanya.

Pendidikan jadi agenda utama

Sebagai wakil rakyat adalah menjadi tanggungjawabnya untuk melihat kemajuan bidang pendidikan di 19 buah sekolah rendah, tujuh sekolah menengah, dan empat sekolah agama dalam parlimen ini.

Bukan saja untuk melihat kemajuan dan peningkatan prestasi dalam setiap peperiksaan malahan

turut mengatur program untuk menambahkan dan sebagainya.

"Kita sentiasa bekerjasama dengan Pejabat Pendidikan Daerah Kubang Pasu untuk memastikan pendidikan di sini sentiasa menunjukkan peningkatan walaupun di kawasan luar bandar.

"Ini sebagai usaha kita untuk melihat sekolah di sini dapat berlatih sama pantas dengan sekolah-sekolah lain yang lebih baik," katanya.

Menurutnya, sebuah kolej komuniti juga bakal beroperasi di Kodiang yang akan menempatkan beberapa kursus daripada cawangan Kubang Pasu.

"Kursus yang ditawarkan adalah Sijil Teknologi Senibina (STS) dan pengambilan akan dibuka pada hujung nanti.

"Setakat ini pelajar sedia ada berjumlah 33 orang, dan saya harap lebih banyak institusi pengajian dibuka masa akan datang," katanya.

P005 PARLIMEN JERLUT

info

• N003: Kota

Siputeh

• N004: Ayer Hitam

Tak pinggir Ayer Hitam

Walaupun Adun Ayer Hitam, Datuk Seri Mukhriz Mahathir beralih kepada Bersatu setelah dipecat daripada Umno dua tahun lalu, namun Othman masih menggalas tanggungjawab terus membantu penduduk kawasan Ayer Hitam yang telah memilih BN pada PRU13 yang lalu.

"Kita tidak mahu penduduk di kawasan ini berasa tersisih daripada bantuan BN dan tugas kita membantu rakyat tak kira kawasan mana.

"Ketua Umno Bahagian Jerlut, Datuk Abu Hassan Sharif sentiasa mengambil berat dan mendengar keluhan penduduk di situ. Kita turun padang walaupun wakil rakyatnya sendiri jarang berbuat demikian," katanya.

Menurutnya, beliau yakin rakyat dapat menilai sendiri usahanya yang dilakukan oleh pimpinan BN di kawasan itu yang sudah bertindak sehabis baik.

"Rakyat perlu menilai kemampuan seseorang itu bergerak melakukan kerja dan bukannya atas individu pemimpin yang kini beralih kepada parti pembangkang" katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/3/2018	SINAR HARIAN	ONLINE	

Agrobank lancar mesin ATM bantu komuniti luar bandar

19 MAC 2018



Musa merasmikan Mesin Teler Automatik (ATM) dan Mesin Deposit Tunai (CDM) Agrobank. - Foto Bernama

BELURAN - Agrobank hari ini melancarkan Mesin Teler Automatik (ATM) dan Mesin Deposit Tunai (CDM) di Pekan Baru Botition berhampiran Beluran sebagai salah satu usaha untuk memberikan perkhidmatan perbankan kepada masyarakat di kawasan luar bandar terutamanya di negeri Sabah.

Majlis pelancaran itu dirasmikan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Musa Haji Aman.

Pekan Baru Botition merupakan bandar baharu yang pesat dengan pertumbuhan dan kegiatan pertanian seperti ladang sawit, kilang sawit dan penternakan burung walit.

Industri burung walit ini dikenalpasti sebagai sumber kekayaan baharu untuk diterokai selain industri durian, kelapa, jagung dan tenusu di kawasan tersebut. Pekan Baru Botition yang sejauh 200km dari Sandakan merupakan lokasi strategik adalah sesuai untuk penternakan burung walit.

Dengan potensi perkembangan aktiviti ekonomi di kawasan ini, Agrobank bersedia membantu memacu aktiviti ekonomi dengan penyediaan kewangan asas seperti kemudahan mesin ATM dan CDM.

Menurut Pengerusi Agrobank, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, dengan adanya mesin ATM dan CDM ini, Agrobank dapat memberikan perkhidmatan perbankan asas untuk komuniti luar bandar.

"Sehingga kini, Agrobank mempunyai 17 cawangan dan 3 kiosk di seluruh negeri Sabah. Dengan penambahan perkhidmatan terbaharu di Pekan Baru Botition ini akan terus menyokong masyarakat luar bandar dan meningkatkan ekonomi mereka ke tahap yang lebih baik.

"Ini juga merupakan inisiatif untuk menyokong matlamat Bank Negara Malaysia dalam meluaskan dan meningkatkan rangkuman kewangan (financial inclusion) di seluruh negara.

"Lebih 71% cawangan Agrobank berada di kawasan luar bandar dalam usaha membantu golongan yang kurang mendapat liputan," tambah beliau.

Dengan pelancaran mesin ATM dan CDM ini, seramai 37,000 orang penduduk di Pekan Baru Botition yang juga terletak di bawah Dun Sugut tidak lagi perlu pergi jauh ke bandar terdekat untuk membuat pengeluaran dan deposit wang mereka kerana mesin ini terletak di kawasan pekan.

Sebelum ini, penduduk terpaksa ke bandar terdekat di pekan Telupid dan pekan Beluran yang mengambil masa sekurang-kurangnya 2 jam untuk membuat pengeluaran dan penyimpanan wang di Mesin ATM.

Kemudahan asas ini dijangka akan merancakkan lagi bisnes agro di kawasan ini. Ini mencerminkan sokongan dan inisiatif Bank untuk terus berkhidmat kepada masyarakat luar bandar di Sabah.

Turut hadir semasa majlis pelancaran adalah YB Datuk James Ratib, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sugut dan Puan Masaat Awadz, yang menanggung tugas Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank serta pemimpin-pemimpin tempatan.

Agrobank ditubuhkan pada tahun 1969 dengan mandat untuk membangun dan memperkasakan sektor pertanian Negara.

Ia adalah sebuah bank milik Kerajaan di bawah bidang kuasa Menteri Kewangan Diperbadankan.

Pembiayaan Bank dalam sektor pertanian adalah didorong oleh dasar yang ditetapkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/3/2018	SINAR HARIAN	ONLINE	

Sembilan aspirasi bangunkan Dun Pasir Panjang

WARTAWAN SINAR HARIAN

19 MAC 2018



Pembangunan pertanian di Lekir memperkasakan petani, peladang, penternak dan nelayan. Gambar kecil: Rashidi Ibrahim

PASIR PANJANG - Dun Pasir Panjang dalam tempoh lima tahun ini dibangunkan melalui penekanan sembilan aspirasi utama yang dibawa Adunnya, Datuk Rashidi Ibrahim.

Ia melibatkan bidang agama, pendidikan, pembangunan pertanian, memperkasakan petani, peladang, penternak dan nelayan, memperkasakan golongan B40, bidang pelancongan dan penyediaan kemudahan sukan kepada golongan belia.

Rashidi berkata, gabungan sembilan aspirasi ini bagi memastikan setiap pembangunan yang dibawa memenuhi keperluan dan kehendak rakyat di kawasan itu.

“Sokongan dan keprihatinan kerajaan negeri menjadikan usaha membangunkan kawasan Pasir Panjang dapat dilaksanakan dengan baik meskipun parlimennya diwakili pembangkang.

“Kita telah wujudkan pembangunan berpusat Pekan Kecil Lekir yang menempatkan pelbagai kemudahan termasuklah mini RTC, projek pertanian Taman Kekal Pengeluaran Makanan Negara serta Kolej Perikanan Malaysia di Kampung Aceh,” katanya.

Beliau berkata, Pasir Panjang merupakan Dun ketiga memiliki jumlah pengundi tertinggi di Perak iaitu 42,900 melibatkan pelbagai bangsa, pekerjaan dan latar belakang.

Katanya, dari segi ekonomi, ia terbahagi kepada dua kumpulan iaitu masyarakat bandar yang berada di kawasan perindustrian mewakili penjawat awam dan golongan profesional, manakala luar bandar yang kebanyakannya tinggal di persisiran pantai bekerja sebagai nelayan dan petani.

“Saya percaya, masih banyak pembangunan dapat dibawa. Kita juga merangka pelan jangka panjang antaranya mewujudkan kampus universiti, pembinaan kompleks sukan dan tapak pasar tani kekal yang kini dalam pembinaan,” katanya.